Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies
52(3)(2025): 376-392
*https://doi.org/10.17576/jebat.2025.5203.06*

# Respons Kerajaan Terhadap Penyebaran Berita Palsu di Media Sosial Semasa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14)

## *The Response of Government Towards Fake News In Social Media During 14Th General Election (GE-14)*

DZULPADZLI SHAARIN[1]*, SITY DAUD[1] & NORMAH MUSTAFFA[2]
*[1]Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,*
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,*
*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*
*[2]Pusat Kajian Media dan Komunikasi,*
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,*
*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*
Corresponding author: dzulshaarin@gmail.com

Received: 12 May 2025 Accepted: 17 July 2025

Abstrak

Perkembangan internet dan teknologi komunikasi telah memperluas akses masyarakat kepada maklumat. Namun, penyebaran berita palsu di media sosial menjejaskan kebolehpercayaan sumber maklumat. Berita palsu bukan sekadar fenomena era digital, tetapi kesinambungan daripada tradisi kawalan maklumat sejak zaman penjajahan British. Melalui undang-undang seperti Printing Presses Ordinance 1948 dan Sedition Act 1948, kerajaan kolonial mengekang maklumat yang dianggap mengancam kedudukan mereka. Tradisi ini diteruskan oleh kerajaan Malaysia pasca-kemerdekaan melalui akta seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1948 serta Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Kemunculan media sosial mengubah bentuk penyebaran maklumat, tetapi prinsip kawalan tetap wujud. Artikel ini menganalisis respons kerajaan Malaysia terhadap berita palsu di media sosial semasa Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) dalam kerangka sejarah kawalan maklumat. Antara respons utama ialah penggubalan Akta Anti Berita Palsu 2018, penggunaan institusi keselamatan dan sekatan ke atas wacana politik serta akademik. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual, analisis dokumen dan data sekunder, kajian ini merumuskan bahawa evolusi kawalan maklumat di Malaysia menunjukkan pola berterusan yang menyesuaikan diri dengan peredaran masa dan teknologi. Penemuan ini mencadangkan perlunya pendekatan lebih seimbang antara kawalan maklumat dan kebebasan bersuara dalam menjamin kestabilan politik jangka panjang negara.

Kata kunci: Berita Palsu; Respons Kerajaan; Media Sosial; Propaganda Politik; Penguatkuasaan

*Abstract*

*The advancement of internet and communication technologies has expanded public access to information. However, the spread of fake news on social media has undermined the credibility of such information. Fake news is not merely a digital phenomenon, but a continuation of long-standing traditions of information control since British colonial rule. Laws such as the Printing Presses Ordinance 1948 and Sedition Act 1948 were used to suppress dissent. This tradition continued in post-*

*independence Malaysia through the Printing Presses and Publications Act 1984, the Sedition Act 1948, and the Universities and University Colleges Act (AUKU). While the medium of dissemination has evolved with social media, the principle of state control remains. This article examines the Malaysian government's response to fake news on social media during the 14th General Election (GE14), within the historical framework of information regulation. Responses included the Anti-Fake News Act 2018, deployment of security institutions, and limitations on political and academic discourse. Using a qualitative approach through interviews, document analysis and secondary data, this study concludes that information control in Malaysia demonstrates a consistent and adaptive pattern. The findings argue for a more balanced approach between regulation and freedom of expression to safeguard long-term political stability.*

*Keywords: Fake News; Government's Response; Social Media; Political Propaganda; Enforcement*

## Pengenalan

Penyebaran berita palsu dalam era digital telah menjadi satu ancaman besar kepada kestabilan politik dan legitimasi pemerintahan, terutamanya semasa musim pilihan raya. Fenomena ini tidak muncul dalam vakum, sebaliknya ia berakar daripada sejarah panjang hubungan antara media dan kuasa politik di Malaysia.[1] Sejak zaman kolonial, media telah digunakan sebagai alat propaganda dan kawalan pemikiran masyarakat. Akhbar-akhbar awal seperti Utusan Melayu dan Warta Malaya berperanan penting dalam membentuk kesedaran nasionalisme Melayu, manakala pihak penjajah British memperkenalkan undang-undang seperti *Printing Presses Ordinance 1948* untuk mengawal penyebaran maklumat yang dianggap mengancam pemerintahan kolonial.

Selepas kemerdekaan, kerajaan Malaysia meneruskan tradisi kawalan media melalui pelbagai instrumen perundangan seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1948 dan Akta Rahsia Rasmi 1972. Menurut Mohd Safar Hasim dalam "Akhbar dan Kuasa", media arus perdana seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian berfungsi sebagai agen pembangunan yang mengukuhkan dasar-dasar kerajaan sambil mengawal naratif awam.[2] Ini mencipta budaya politik di mana media menjadi sebahagian daripada mekanisme legitimasi kuasa pemerintah. Dalam konteks ini, kemunculan media sosial pada era 2000-an mengubah landskap komunikasi politik di Malaysia. Rakyat buat pertama kalinya mendapat ruang komunikasi yang lebih bebas daripada kawalan kerajaan, sekali gus membuka ruang kepada penyebaran berita alternatif dan juga berita palsu. Ketika Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), media sosial menjadi medan utama penyebaran maklumat, dengan berita palsu mengenai skandal 1MDB, GST, kos sara hidup dan ancaman terhadap hak-hak Melayu-Islam tersebar secara meluas.[3]

Kebanjiran maklumat tidak ditentusahkan ini mencabar kredibiliti kerajaan dan menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap institusi negara. Sebagai respons, kerajaan ketika itu menggubal Akta Anti Berita Palsu 2018 sebagai langkah drastik untuk mengekang penyebaran kandungan berbahaya di platform digital. Namun begitu, langkah tersebut menimbulkan kontroversi berhubung batas antara kawalan maklumat dan kebebasan bersuara dalam kerangka negara yang dikategorikan sebagai separa demokratik. Dalam konteks sejarah ini, penting untuk memahami bahawa kawalan ke atas maklumat bukan sekadar respons kepada berita palsu moden, tetapi adalah lanjutan daripada tradisi panjang bagaimana pemerintah berusaha membentuk, memanipulasi dan mengawal wacana awam demi kelangsungan politik mereka.

Kajian ini berpaksikan kepada tiga kerangka teori utama yang saling melengkapi dalam memahami fenomena penyebaran berita palsu dalam konteks sistem politik Malaysia. Pertama ialah kerangka demokrasi separa (*quasi-democracy*) seperti dihuraikan oleh Zakaria[4] dan

disokong oleh Case[5], yang melihat Malaysia sebagai negara dengan institusi demokrasi formal tetapi masih mengekalkan ciri-ciri autoritarian dalam pengawalan media, kebebasan bersuara dan penggunaan institusi keselamatan. Dalam kerangka ini, berita palsu berfungsi sebagai alat strategik untuk mengukuhkan atau meruntuhkan legitimasi pemerintah, bergantung kepada pihak yang menggunakannya. Kedua, kajian ini memanfaatkan teori pembingkaian (*framing theory*) seperti yang dikemukakan oleh Entman[6], yang menekankan bagaimana media sosial membingkai isu-isu politik untuk membentuk persepsi awam. Melalui strategi pembingkaian yang terpilih iaitu sama ada dengan melebih-lebihkan skandal, menonjolkan naratif ancaman atau memanipulasi simbol agama dan kaum, berita palsu telah memberi impak mendalam kepada emosi dan tindakan politik rakyat. Ketiga ialah teori propaganda dan populisme yang menjelaskan bagaimana berita palsu digunakan sebagai alat retorik untuk memobilisasi sokongan, khususnya dalam kalangan kelompok yang merasa terpinggir. Naratif yang menyentuh identiti bangsa, agama dan penderitaan ekonomi sering digunakan bagi mencetuskan kemarahan serta perasaan ketidakpercayaan terhadap elit politik sedia ada.

Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif interpretatif melalui dua kaedah utama iaitu analisis kandungan dan temu bual separa berstruktur. Data primer merangkumi temu bual dengan beberapa informan termasuk ahli akademik, pengamal media dan pegawai kerajaan yang berkaitan. Sementara itu, data sekunder melibatkan lebih 55 dokumen berita palsu yang tular antara tahun 2016 hingga 2020, laporan media, kenyataan rasmi kerajaan, laporan NGO serta bahan penerbitan akademik dan portal semakan fakta. Analisis kandungan dijalankan secara tematik untuk mengenal pasti pola dalam strategi penyebaran, saluran komunikasi, reaksi institusi kerajaan dan kesan terhadap persepsi awam. Kaedah triangulasi data digunakan bagi memadankan dapatan antara sumber primer dan sekunder. Dengan menggabungkan pendekatan sejarah, teori komunikasi dan kerangka politik maklumat, kajian ini menawarkan satu analisis reflektif dan kritikal terhadap bagaimana berita palsu bukan sekadar isu teknikal, tetapi merupakan sebahagian daripada perebutan kuasa dalam politik maklumat kontemporari di Malaysia.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk meneliti bentuk dan keberkesanan respons kerajaan terhadap penyebaran berita palsu di media sosial semasa PRU-14. Objektif utama kajian ini adalah untuk memahami strategi kerajaan dalam menangani ancaman berita palsu serta menilai implikasi pendekatan tersebut terhadap landskap politik dan tahap kebebasan maklumat di Malaysia. Dengan mengambil kira konteks sejarah hubungan antara media dan kuasa di Malaysia, analisis ini diharapkan dapat memberikan gambaran lebih komprehensif mengenai evolusi kawalan maklumat dalam arena politik negara.

## Berita Palsu dalam Pilihan Raya: Dari Sejarah Media ke Era Digital

Berita palsu atau "*fake news*" merujuk kepada maklumat yang tidak benar, disengajakan dan direka bentuk untuk memperdaya atau memanipulasi emosi masyarakat. Walaupun fenomena berita palsu lebih menyerlah pada era digital, penggunaan maklumat tidak sahih sebagai alat politik sudah lama wujud dalam sejarah komunikasi massa.[7] Dalam era pra-kemerdekaan Malaysia, media cetak seperti akhbar telah menjadi medium utama untuk menyebarkan propaganda samada oleh penjajah British mahupun oleh pejuang kemerdekaan. Pengawalan maklumat melalui undang-undang seperti *Printing Presses Ordinance 1948* menunjukkan betapa pentingnya kawalan ke atas naratif awam bagi mengekalkan kekuasaan politik.[8]

Pasca-kemerdekaan, kerajaan Malaysia meneruskan tradisi pengawalan maklumat melalui pelbagai akta seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Hasutan 1948. Media telah menjadi instrumen penting dalam mengukuhkan legitimasi kerajaan serta mengekang suara-suara kritikal. Dalam konteks pilihan raya, media arus perdana memainkan peranan penting dalam

membentuk persepsi pengundi melalui pemberitaan yang cenderung menyokong pemerintah.[9]

Namun, kemunculan teknologi digital dan media sosial telah mengubah landskap ini secara radikal. Penyebaran berita palsu menjadi lebih meluas apabila maklumat tidak lagi dimonopoli oleh media rasmi.[10] Ketika PRU-14, berita palsu bukan sahaja disebarkan melalui media sosial seperti WhatsApp dan Facebook, tetapi juga menjadi alat utama dalam strategi politik untuk menyerang lawan dan membentuk persepsi awam.[11] Isu-isu seperti skandal 1MDB, GST dan dakwaan berkaitan hak-hak Melayu-Islam digunakan secara meluas melalui berita palsu untuk mempengaruhi emosi dan sentimen pengundi.[12]

Fenomena ini mencerminkan kesinambungan sejarah di mana berita digunakan untuk tujuan politik, tetapi dalam bentuk yang lebih kompleks dan sukar dikawal. Jika dahulu kawalan dilakukan terhadap penerbitan akhbar, kini kerajaan menghadapi cabaran untuk mengawal penyebaran maklumat yang berlaku secara pantas, tersebar melalui jaringan sosial peribadi dan sukar dikesan sumber asalnya.[13] Dalam konteks ini, penggubalan Akta Anti Berita Palsu 2018 boleh dilihat sebagai reaksi kerajaan untuk mengembalikan sebahagian kawalan terhadap maklumat, seiring dengan tradisi panjang kawalan media dalam sejarah politik Malaysia. Namun, langkah ini turut mengundang kritikan tentang kemungkinan penyalahgunaan kuasa dan ancaman terhadap kebebasan bersuara.[14]

Justeru, fenomena berita palsu dalam pilihan raya, khususnya PRU-14, perlu difahami dalam kesinambungan sejarah media di Malaysia iaitu daripada kawalan ke atas akhbar kepada usaha mengawal media sosial. Evolusi ini menunjukkan bahawa maklumat sentiasa menjadi medan perjuangan kuasa dalam politik dan berita palsu hanyalah manifestasi moden kepada isu lama tentang siapa yang menguasai naratif awam.

## Media Sosial sebagai Pemangkin Penyebaran Berita Palsu

Media sosial telah muncul sebagai pemangkin utama dalam penyebaran berita palsu, terutamanya ketika musim pilihan raya. Kepantasan penyebaran maklumat di media sosial mengatasi media tradisional, menjadikan ia medium yang amat berkesan untuk menyampaikan naratif politik yang bersifat manipulatif dan emosional. Platform seperti Facebook, Twitter, TikTok dan WhatsApp memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat palsu kerana struktur algoritma mereka yang mengutamakan kandungan sensasi, beremosi dan mendapat banyak reaksi.[15]

Fenomena *echo chamber* dan *filter bubble* menyebabkan pengguna hanya berinteraksi dalam komuniti yang memperkukuh pandangan dan kepercayaan sedia ada, sekaligus menutup ruang untuk perspektif alternatif.[16] Ini menjadikan pengguna lebih mudah terdedah kepada maklumat yang diputarbelitkan tanpa disedari. Di Malaysia, WhatsApp merupakan antara medium utama penyebaran berita palsu semasa PRU-14 kerana sifatnya yang peribadi, sukar dijejaki dan dipercayai dalam kalangan kelompok sosial yang rapat. Selain itu, kemunculan akaun palsu dan bot automatik turut menyumbang kepada penyebaran maklumat palsu secara sistematik.[17]

Laporan Reuters Digital News Report 2018 mendapati bahawa 68% rakyat Malaysia menggunakan media sosial sebagai sumber berita utama mereka, dengan WhatsApp (54%) dan Facebook (58%) menjadi platform paling dominan. Di peringkat global, kajian oleh Pew Research Center menunjukkan bahawa 48% pengguna internet di seluruh dunia pernah terdedah kepada berita palsu melalui media sosial. Statistik ini menggambarkan betapa besarnya pengaruh media sosial dalam membentuk maklumat politik.[18]

Jadual 1: Penggunaan Media Sosial Semasa PRU-14

| Platform | Penggunaan (%) |
|---|---|
| Whatsapp | 54 |
| Facebook | 58 |
| Youtube | 43 |
| Instagram | 33 |
| Twitter | 20 |

Sumber: Laporan Reuters Digital News Report 2018.

Statistik ini menunjukkan bagaimana media sosial menjadi saluran utama rakyat Malaysia mendapatkan maklumat sepanjang musim pilihan raya. Dominasi platform seperti WhatsApp dan Facebook bukan sahaja mencerminkan kecenderungan pengguna kepada maklumat segera, tetapi juga menunjukkan tahap kebergantungan masyarakat kepada rangkaian peribadi dan sosial dalam menilai maklumat politik.[19] Sifat peribadi WhatsApp, misalnya, membolehkan berita disebarkan secara lebih dipercayai kerana ia datang daripada kenalan terdekat, menjadikan maklumat palsu lebih sukar disangkal dan cepat menular. Dalam suasana pilihan raya yang penuh dengan emosi dan sentimen, kandungan yang menyentuh isu-isu seperti rasuah, kos sara hidup dan hak keistimewaan kaum disampaikan melalui bentuk visual seperti meme, tangkapan skrin palsu dan video pendek yang mudah dikongsi.[20]

**Respons Kerajaan terhadap Berita Palsu: Tradisi Kawalan Maklumat dalam Era Baharu**

Dalam era teknologi baharu, cabaran utama dalam menangani berita palsu adalah bagaimana kerajaan menyesuaikan dasar kawal selia dengan perkembangan teknologi yang pesat. Evolusi ini perlu dilihat dalam kesinambungan tradisi kawalan maklumat sejak zaman kolonial. Sejak *Printing Presses Ordinance 1948* diperkenalkan oleh British untuk mengekang penyebaran maklumat yang menggugat pemerintahan mereka, kawalan maklumat menjadi ciri penting dalam landskap politik Malaysia.

Pada era Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003), kawalan media menjadi lebih sistematik melalui penggunaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, serta kawalan ketat ke atas media arus perdana seperti Utusan Malaysia dan TV3. Ops Lalang 1987 memperlihatkan bagaimana kerajaan menggunakan kuasa undang-undang untuk mengawal naratif politik dan membendung suara pembangkang.[21] Semasa pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi, terdapat sedikit kelonggaran, namun prinsip asas kawalan tetap dikekalkan. Era Najib Razak pula memperlihatkan kawalan maklumat menjadi semakin kompleks, terutamanya apabila skandal 1MDB mencetuskan ledakan maklumat alternatif di media sosial.[22]

Ketika PRU-14, penyebaran berita palsu melalui platform digital menjadi ancaman besar terhadap kestabilan kerajaan. Sebagai respons, kerajaan menggubal Akta Anti Berita Palsu 2018, memperkenalkan hukuman berat terhadap penyebaran maklumat tidak sahih, khususnya di internet. Ini mencerminkan usaha kerajaan menyesuaikan tradisi kawalan maklumat kepada landskap digital moden.[23] Selain itu, kerajaan turut mengambil pendekatan holistik seperti meningkatkan literasi digital dalam kalangan rakyat. Pendidikan mengenai pemahaman media, teknik pemverifikasian fakta dan kepentingan mengenal pasti sumber sahih diperkenalkan sebagai langkah jangka panjang dalam menangani berita palsu.[24]

Dalam konteks Malaysia yang dikatakan sebagai sebuah kerajaan separa demokratik menunjukkan ciri-ciri sistem politik yang menggabungkan elemen demokrasi dan autoritarianisme.[25] Kerajaan separa demokratik merujuk kepada sistem pemerintahan yang menggabungkan elemen demokrasi dan autoritarianisme dalam struktur politiknya. Dalam sistem ini, terdapat ciri-ciri

demokrasi seperti pilihan raya, kebebasan bersuara dan kewujudan pelbagai parti politik, tetapi pada masa yang sama, terdapat sekatan terhadap hak politik, kawalan ketat terhadap media dan penggunaan institusi negara untuk mengekalkan kuasa pemerintah.[26] Kerajaan separa demokratik berada di antara demokrasi sepenuhnya dan sistem autoritarian, di mana kebebasan politik dan proses pilihan raya dikekalkan tetapi dengan sekatan ketat terhadap pembangkang dan media. Walaupun sistem ini mampu memberikan kestabilan politik jangka pendek dan dalam jangka panjang, ia boleh membawa kepada protes rakyat, ketidakstabilan politik dan ketidakyakinan dalam sistem pemerintahan.[27]

Dalam konteks kerajaan separa demokratik juga, berita palsu sering dianggap sebagai ancaman terhadap kestabilan politik kerana ia berpotensi mencetuskan perubahan dalam pola sokongan pengundi, menggugat kredibiliti pemimpin serta merangsang protes rakyat. Walaupun pilihan raya diadakan secara berkala, kerajaan sering menggunakan mekanisme kawalan terhadap media dan kebebasan bersuara untuk mengekalkan kestabilan politiknya. Salah satu aspek yang semakin menonjol dalam konteks politik Malaysia ialah penyebaran berita palsu, terutamanya ketika tempoh pilihan raya. Berita palsu bukan sahaja digunakan oleh pihak pembangkang untuk menyerang kerajaan tetapi juga menjadi alat manipulasi politik oleh pemerintah untuk mengawal naratif politik.[28]

Dalam PRU-14, penyebaran berita palsu memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN). Isu seperti skandal 1MDB, cukai GST dan kos sara hidup sering kali dimanipulasi melalui media sosial, menyebabkan penurunan sokongan terhadap kerajaan pemerintah. Namun, dalam sistem separa demokratik, pemerintah tidak hanya bertindak sebagai mangsa berita palsu, tetapi juga menggunakan berita palsu sebagai alat propaganda politik. Kerajaan sering mendakwa bahawa berita yang mengkritik dasar atau pemimpinnya adalah berita palsu, sekali gus membenarkan tindakan sekatan terhadap media atau individu yang menyebarkan maklumat yang tidak selari dengan kepentingan politik pemerintah.[29] Kerajaan turut mengambil langkah tegas dalam menangani penyebaran berita palsu, terutamanya menjelang PRU-14. Salah satu contoh utama ialah penyebaran berita palsu yang mendakwa kerajaan membawa masuk 40,000 warga asing sebagai pengundi dalam PRU-14, yang mencetuskan ketegangan politik dalam kalangan rakyat. Sebagai tindak balas, kerajaan memperkenalkan Akta Anti Berita Palsu 2018 yang memperuntukkan hukuman denda dan penjara terhadap penyebar maklumat palsu yang berpotensi mengancam ketenteraman awam. Walau bagaimanapun, akta ini turut mendapat kritikan kerana dikhuatiri memberi kuasa berlebihan kepada kerajaan dalam menentukan apa yang dianggap sebagai berita palsu, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai keseimbangan antara kawalan maklumat dan kebebasan bersuara.[30]

Berita palsu sebagai pendorong kekalahan BN dalam PRU-14 dapat dijelaskan melalui pengaruh langsung terhadap persepsi dan tingkah laku pengundi. Kajian Junaidi Awang Besar[31] dan Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Jamaie Hamil[32] menunjukkan bahawa gelombang perubahan undi di kawasan bandar dan separa bandar banyak dipengaruhi oleh naratif negatif yang tersebar melalui media sosial. Pelbagai isu sensitif seperti skandal 1MDB, kesan GST dan isu pengundi asing telah dimanipulasi secara besar-besaran melalui WhatsApp, Facebook dan YouTube, lalu membentuk persepsi umum bahawa kerajaan tidak telus, menindas rakyat dan gagal menangani rasuah. Manipulasi emosi ini terbukti berkesan dalam menarik sokongan pengundi muda dan kelompok kelas pertengahan-bawah untuk beralih arah menyokong Pakatan Harapan (PH). Selain pembangkang yang menggunakan berita palsu untuk menyerang kredibiliti kerajaan, pemerintah juga dituduh mengeksploitasi naratif palsu seperti dakwaan ‘ancaman terhadap Melayu dan Islam’ untuk mengekalkan sokongan tradisi. Justeru, penggunaan berita palsu oleh kedua-dua pihak menjadikan medan politik lebih polar, manakala BN akhirnya menjadi mangsa kepada gelombang persepsi negatif yang gagal ditangkis dengan berkesan. Jadual 2 berikut merangkumkan beberapa isu utama yang telah memainkan peranan dalam mencorakkan keputusan PRU-14.

Jadual 2: Pengaruh Isu Berita Palsu dalam PRU-14

| Isu / Berita Palsu | Saluran Penyebaran | Impak Terhadap Persepsi | Kaitan dengan Keputusan PRU-14 |
|---|---|---|---|
| Skandal 1MDB dimanipulasi | WhatsApp, Facebook, YouTube | Menurunkan kepercayaan terhadap kepimpinan Najib & UMNO | Undi Melayu bandar dan belia beralih kepada PH |
| GST menyebabkan kenaikan harga melampau | Facebook, blog politik, risalah | Membentuk persepsi kerajaan menindas rakyat | Pengundi B40 menolak BN di kawasan marginal |
| Kerajaan bawa masuk 40,000 pengundi asing | Facebook, video viral, ceramah politik | Mencetuskan ketegangan dan kemarahan pengundi | Isu dibangkitkan oleh pembangkang, menjejaskan kredibiliti BN |
| Hak Melayu dan Islam akan terhapus | Meme politik, Twitter, forum | Menimbulkan ketakutan dalam kalangan pengundi Melayu | Kubu kuat BN di luar bandar terjejas |
| Harga minyak akan naik mendadak selepas PRU | WhatsApp, TikTok, siaran langsung Facebook | Mewujudkan panik dan sentimen anti-kerajaan | Peningkatan undi protes di kalangan pengundi muda |

Sumber: The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and Political Development in Malaysia, 1957–2018*,* Intellectual Discourse *26*, no. 1, 2018, hlm. 87–111.

**1MDB sebagai berita palsu separa benar**

Isu 1MDB merupakan contoh bagaimana satu skandal besar dimanipulasi melalui penyebaran berita palsu dalam pelbagai bentuk. Laporan rasmi Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) serta siasatan PAC dan SPRM membuktikan terdapat penyalahgunaan dana 1MDB oleh individu tertentu. Namun, sebahagian berita yang tersebar semasa PRU-14 tidak berasaskan fakta tepat seperti dakwaan kononnya Perdana Menteri mempunyai lebih RM2.6 bilion dalam akaun peribadi hasil derma palsu atau cerita yang diputar secara emosi tanpa bukti kukuh. Berita-berita ini tersebar luas melalui WhatsApp, blog tanpa kredibiliti dan video manipulatif di media sosial. Oleh itu, walaupun 1MDB ialah isu sebenar, banyak kandungan yang beredar sebenarnya termasuk dalam kategori berita palsu atau "separa benar" yang dieksploitasi untuk tujuan politik. Justeru, respons kerajaan terhadap berita palsu dalam PRU-14 perlu difahami dalam kerangka evolusi sejarah pengurusan maklumat di Malaysia, di mana prinsip asas kawalan tetap dikekalkan meskipun bentuk medium dan pendekatannya berubah mengikut zaman.[33]

**Penguatkuasaan Undang-undang, Ordinan dan Polisi: Pewarisan Kawalan dari Media Tradisional ke Era Digital**

Dalam menghadapi cabaran berita palsu, kerajaan Malaysia mengadaptasi pendekatan penguatkuasaan undang-undang yang berakar dari sejarah kawalan media tradisional. Sejak zaman penjajahan, kawalan terhadap maklumat dilaksanakan menerusi perundangan ketat seperti *Printing Presses Ordinance 1948*, bertujuan mengekang penyebaran berita yang boleh menggugat kestabilan pemerintahan. Selepas kemerdekaan, kerajaan Malaysia mengekalkan prinsip ini dengan memperkenalkan undang-undang seperti Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Fitnah 1957 dan

Akta Rahsia Rasmi 1972.

Dalam konteks PRU-14, pewarisan tradisi kawalan ini jelas apabila kerajaan memperluaskan skop penguatkuasaan kepada media sosial dan platform digital. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) digunakan untuk mengawal kandungan dalam talian di bawah Seksyen 211 dan 233, membolehkan tindakan diambil terhadap penyebaran kandungan palsu atau jelik. Akta Hasutan 1948 pula terus digunakan untuk mendakwa pihak yang dianggap menghasut melalui berita palsu yang berunsur politik, kaum dan agama.

Penguatkuasaan ini diperkukuhkan dengan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) (No. 2) 2021, khusus untuk menangani penyebaran berita palsu berkaitan COVID-19. Ordinan ini mencerminkan kecenderungan kerajaan Malaysia untuk menggunakan pendekatan undang-undang keras dalam mengawal maklumat, sebagaimana yang berlaku dalam kawalan media cetak pada era sebelumnya. Selain itu, dasar-dasar keselamatan seperti Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam juga menggariskan strategi menangani ancaman berita palsu, menunjukkan kesinambungan antara pendekatan keselamatan tradisional dan keperluan era baharu.[34] Pendekatan berasaskan undang-undang ini bukan sahaja bertujuan untuk mengekalkan ketenteraman awam, tetapi juga bertindak sebagai alat politik untuk mengawal naratif dalam suasana pilihan raya yang semakin tidak menentu akibat kemajuan teknologi komunikasi.

Penggunaan undang-undang dan ordinan ini dalam konteks PRU-14 memperlihatkan bahawa evolusi teknologi tidak mengubah prinsip asas kawalan maklumat oleh kerajaan. Sebaliknya, ia mengubah medan pertempuran daripada ruang cetakan ke ruang maya, dengan matlamat yang kekal sama iaitu memastikan kestabilan politik dan kelangsungan pemerintahan.[35]

**Kawalan dan Sekatan ke atas Ucapan Aktivis Politik dan Kebebasan Akademik**

Kawalan terhadap ucapan aktivis politik dan kebebasan akademik di Malaysia bukanlah fenomena baharu, tetapi berakar dari zaman penjajahan British. Sejak awal abad ke-20, pihak kolonial memperkenalkan undang-undang seperti *Sedition Act 1948* bagi menghalang ucapan yang boleh mengancam kestabilan pemerintahan.[36] Tradisi kawalan ini diteruskan dalam era pasca-kemerdekaan, terutamanya di bawah pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang memperkukuhkan penggunaan undang-undang seperti Akta Hasutan dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) untuk mengawal kebebasan bersuara, termasuk di kalangan ahli akademik dan mahasiswa.[37] Dalam tempoh ini, aktivis politik dan akademik yang mengkritik dasar kerajaan sering berdepan dengan sekatan seperti tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) serta kawalan ketat terhadap program universiti dan penerbitan ilmiah. Kawalan ini bertujuan memastikan naratif dominan kerajaan tidak digugat oleh suara alternatif dari masyarakat sivil dan institusi pengajian tinggi.

Menjelang era reformasi 1998 dan seterusnya, tekanan terhadap kerajaan untuk meliberalisasikan ruang awam semakin meningkat, namun elemen kawalan tetap diteruskan dalam bentuk lain. Walaupun ISA dimansuhkan pada 2012 dan digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), kawalan ke atas ucapan politik dan kebebasan akademik masih diamalkan, terutamanya dalam isu-isu sensitif berkaitan kaum, agama dan keselamatan negara.[38] Apabila menyentuh isu kebebasan akademik dan komunikasi, kerajaan telah mengetatkan kawalan dan sekatan ke atas kemungkinan ancaman yang dibangkitkan oleh ahli akademik dan aktivis politik yang banyak bersuara terhadap salah laku kerajaan Malaysia melalui peranan polis yang menguatkuasakan Akta Hasutan.[39] Kerajaan telah melihat penulisan dan ucapan aktivis politik yang dibuat adalah sengaja bertujuan menimbulkan kegusaran di kalangan masyarakat dengan membicarakan isu-isu yang belum tentu sahih dan mengelirukan.[40] Kerajaan dilihat secara konsisten melakukan pelanggaran terhadap hak kebebasan aktivis untuk melaporkan sesuatu isu

kepada masyarakat apabila menutup dan menyekat portal dan laman web berita bebas, seperti contoh Sarawak Report dan The Malaysian Insider yang pernah mengutuk secara kritis kerajaan dalam isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa.[41] Menurut Case,[42] kerajaan pimpinan Perdana Menteri Najib Razak telah menindas pemimpin politik secara halus dengan menyekat media dan kebebasan bersuara. Pemimpin politik dari pihak pembangkang sering menghadapi halangan dengan tidak diberikan akses kepada saluran media arus perdana secara sama rata. Bagi meminimumkan risiko potensi pertukaran tampuk pemerintahan, semua saluran penyiaran program dikawal ketat oleh kerajaan. Mereka akan memastikan ucapan aktivis dan pandangan ahli akademik yang tidak selari dengan prinsip dan polisi kerajaan dikawal agar pemikiran, pendapat dan persepsi rakyat tidak terpengaruh untuk melakukan perubahan dan penukaran kerajaan.[43] Sehubungan itu, pihak media pula akan mengambil pendekatan dengan menyiarkan berita, komentar dan pandangan yang sehala dengan kerajaan sahaja. Berdasarkan keadaan inilah, sesetengah pakar politik tempatan dan antarabangsa mengaitkan kerajaan adalah sebuah kerajaan autoritarian dan bukanlah sepenuhnya demokratik dengan melihat kepada kawalan media yang ketara sehinggakan khalayak media iaitu rakyat sendiri tidak mempunyai pilihan dalam menentukan bentuk-bentuk maklumat yang diterima. Secara tidak langsung ianya telah mewujudkan ancaman kepada petugas-petugas media dengan pelbagai peraturan bertujuan mengawal kebebasan kerja apabila mereka tertakluk dan boleh didakwa di bawah Akta Hasutan, 1948 atau Akta Fitnah, sehinggakan boleh ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang membenarkan penahanan tanpa perbicaraan atas sebab menghasut sehingga menggugat ketenteraman awam.[44]

Kesinambungan tradisi kawalan ini menunjukkan bahawa dalam sistem separa demokratik seperti Malaysia, ucapan politik dan akademik sentiasa berada dalam ruang yang diawasi ketat. Walaupun landskap media dan teknologi berubah, kecenderungan kerajaan untuk mengawal naratif awam demi kestabilan politik tetap menjadi sebahagian daripada strategi pemerintahan sejak era kolonial hingga ke zaman moden.

## Penapisan dan Kawalan Media

Kawalan media merujuk kepada kaedah yang digunakan secara sengaja untuk menapis, menyekat, membatal dan mengharamkan sebarang maklumat yang ingin disampaikan oleh pemilik syarikat media kepada masyarakat.[45] Kawalan media dikaitkan dengan propaganda yang didalangi oleh kerajaan bagi mengukuhkan dasar dan polisi yang dibawa oleh mereka.[46] Memandangkan kerajaan BN telah memerintah hampir 60 tahun, kawalan dan sekatan terhadap kebebasan media agak ketara dilihat. Apabila kerajaan menyedari bahawa kuasa yang dimiliki media dalam mempengaruhi masyarakat untuk menyokong setiap dasar, polisi dan agenda pembangunan negara, media konvensional seperti televisyen dan akhbar telah lebih awal dikawal kandungannya.[47] Kerajaan telah mewujudkan pelbagai akta dan undang-undang untuk mengawal pengaruh media. Antara akta yang dilihat mempunyai pengaruh yang besar terhadap kebebasan media adalah seperti Akta Hasutan (1948), Akta Fitnah (1957), Akta Rahsia Rasmi (1972) dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (1984).[48]

Selain melalui undang-undang, media juga dikawal melalui hubungan yang rumit antara kerajaan dan parti politik di Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa kebebasan media turut dipengaruhi oleh pemilikan dan pemegang taruh dalam sesuatu entiti syarikat media. Dalam keadaan ini penekanan yang diberikan oleh sesuatu entiti media lebih ke arah pembangunan sosio-ekonomi berbanding kebebasan berkarya. Dalam erti kata yang lain, penyampaian sesuatu media itu mempunyai agenda tersendiri yang lebih kepada mengutamakan populisme berbanding media yang lebih telus ke arah menyelesaikan sesuatu isu utama negara.[49] Menurut Loh,[50] dengan beralasankan menjaga keharmonian negara demi kejayaan agenda pembangunan yang dibawa, wakil-wakil daripada pihak media tidak membangkitkan soalan-soalan yang kontroversi kepada pemimpin politik negara.

Selepas kejatuhan kerajaan BN, kerajaan yang baharu telah menyedari bahawa terdapat keperluan untuk memberi perhatian kepada kawalan terhadap media baharu kerana kemajuan teknologi telah menambah keupayaan masyarakat untuk mendapatkan maklumat terkini dengan lebih pantas.[51] Tindakan masyarakat untuk berhubung dan bertindak terhadap sesuatu isu berkaitan kerajaan telah banyak berubah kerana ciptaan teknologi yang mendesak manusia menjadi lebih peka dan efisien.[52] Pemikiran masyarakat mudah dibentuk dalam sesuatu isu apabila mereka mempunyai rangkaian perhubungan yang lebih meluas serta dicetuskan oleh teknologi maklumat yang canggih. Kerajaan membuat kawalan terhadap media konvensional seperti televisyen, radio dan akhbar melalui pemilikan syarikat media tersebut bagi memastikan berita yang disiarkan bertindak sebagai agen penstabilan dan pembangunan kebangsaan.[53] Apabila media-media ini dilihat kurang relevan secara konvensional, media-media ini sudah menggunakan platform di media sosial bagi bersaing dengan media-media lain.[54] Media baharu dan media sosial dilihat sebagai media yang perlu dikawal walaupun sifat media ini berbeza daripada media tradisional.[55] Pemilikan syarikat media dan kawalan ke atasnya sebenarnya menunjukkan bahawa kerajaan telah sedar bahawa kepentingan media sebagai alat untuk menyatupadukan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, agama, bangsa, bahasa dan cara hidup yang berbeza.[56] Kerajaan PH yang menang dalam PRU-14 telah mengatur strategi baharu setelah mengenal pasti bahawa kewujudan media sosial telah mengubah proses penyebaran maklumat, membuka ruang dan peluang untuk hubungan yang lebih meluas, serta mewujudkan ruang baharu untuk masyarakat berkomunikasi dan menyampaikan pandangan mereka terutamanya berkaitan isu-isu yang melibatkan kepentingan umum.[57]

**Penguatkuasaan Bukan Undang-undang**

Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bukan undang-undang dalam membendung penyebaran berita palsu dengan mewujudkan portal 'Sebenarnya.my' yang telah dilancarkan secara rasminya pada Mac 2017 bagi membolehkan orang ramai menyemak dan mengesahkan kesahihan sesuatu berita atau laporan. Ini bertujuan bagi mengekang dan menghentikan penyebaran dan penularan berita palsu terutamanya melalui media sosial. Tagline yang digunakan "Tidak Pasti Jangan Kongsi" sangat menarik perhatian masyarakat untuk melihat isu penyebaran berita palsu adalah antara isu utama yang difokuskan di peringkat kerajaan.[58] Portal ini melibatkan lebih 100 rakan strategik yang terdiri daripada 22 kementerian kerajaan dan anggaran 100 agensi yang meliputi pelbagai sektor dan bidang. Hasil komunikasi yang berkesan antara pihak kerajaan dan masyarakat awam dalam mendidik masyarakat tentang keperluan mendapatkan maklumat yang sahih, maka terdapat banyak laman web semakan fakta telah tersedia untuk dirujuk bagi mengesahkan kesahihan maklumat tertentu sebelum menyiarkan atau berkongsi melalui media sosial. Antaranya laman web seperti FactCheck.org, AP Fact Check, Politifact, Snopes.com, AP Fact Check, Quoteinvestigator.com, fakesnewswatsch.com dan lain-lain.[59] Langkah bukan undang-undang yang disediakan ini dapat membantu untuk membendung penyebaran berita palsu daripada menjadi lebih buruk pada masa yang sama telah membantu melengkapkan peruntukan undang-undang sedia ada di mana ia dapat mengelakkan seseorang terjebak daripada kesalahan berita palsu sekiranya mengamalkan langkah berhati-hati demi memastikan berita yang dikongsi adalah benar dan sahih.[60]

**Pasukan Respon Pantas (PRP)**

Kerajaan telah mengambil inisiatif kesegeraan dalam membendung penularan berita palsu daripada menjadi lebih buruk dengan menubuhkan Pasukan Respon Pantas (PRP). Pasukan yang ditubuhkan pada 24 Mac 2020 ini telah memberikan tumpuan khusus dalam menangani maklumat berita palsu

berkaitan polemik kesihatan negara, COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan lain-lain. PRP yang dianggotai oleh kakitangan dari Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) diwujudkan bertujuan untuk memantau dan menjelaskan berita-berita mahupun hebahan-hebahan yang mencurigakan kesahihannya dan mendapatkan penjelasan daripada pihak-pihak yang terlibat. Berita dan hebahan yang menyebabkan keresahan dan kebimbangan dalam kalangan rakyat akan diberikan penerangan segera oleh pasukan yang ditubuhkan ini. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh KKMM, PRP telah menangkis sebanyak 464 berita palsu serta menjelaskan 205 berita palsu kepada orang ramai.[61]

**Sekatan Laman Web Palsu**

SKMM pada 25 Februari 2016 telah menyekat laman web berita The Malaysian Insider (TMI) atas alasan melanggar undang-undang negara.[62] Laman sesawang ini tidak dapat diakses di Malaysia dan disekat di bawah Seksyen 263(2) AKM 1998 kerana melanggar undang-undang negara. Mengikut data 2016 hingga Januari 2017, SKMM telah menyekat sebanyak 3,110 laman web atas pelbagai kesalahan, termasuk menyiarkan kandungan yang boleh menggugat ketenteraman awam.[63] Daripada jumlah itu, sebanyak 2,837 laman web mengandungi unsur lucah, jelik, palsu dan mengancam disekat di bawah peruntukan AKM 1998, manakala sebanyak 273 laman lagi adalah laman judi, pelacuran, penipuan, cetak rompak, ubat tidak berdaftar dan produk palsu. SKMM mendedahkan wujud gerakan tertentu bersembunyi di sebalik media sosial atau internet yang aktif menyebarkan dakyah memburukkan kerajaan melalui medium maya itu. Selain menyekat laman web palsu, SKMM berusaha menyahaktifkan 4,618 akaun palsu media sosial yang digunakan untuk menyebarkan berita palsu. Sebahagian besar atau 99 peratus berita palsu yang disebarkan itu dilakukan pihak yang berada di dalam negara. Lebih 50 peratus daripada 1,500 berita palsu yang disebarkan menerusi media sosial dan sedang disiasat suruhanjaya itu mengandungi unsur menyerang agensi kerajaan, Melayu dan Islam.[64]

SKMM menghadapi cabaran mengenal pasti dalang di sebalik penyebaran berita palsu kerana kebanyakan mereka menggunakan akaun palsu dan memanfaatkan internet tanpa sempadan. Berbanding dahulu, di mana operasi seperti Red Bean Army dijalankan dari lokasi fizikal, kini 'kilang' berita palsu boleh beroperasi di mana sahaja. Modus operandi mereka termasuk menutup akaun segera selepas berita menjadi tular untuk mengelak dijejaki pihak berkuasa.[65]

**Mewujudkan Garis Panduan Kawalan Media Sosial**

Pihak kerajaan mengalami kesukaran dalam mengawal penulisan masyarakat terhadap sesuatu isu kerana setiap individu datang dari pelbagai latar belakang dan mempunyai kepentingan tersendiri dalam mengulas sesuatu isu di media sosial.[66] Sekiranya kerajaan mengecilkan sedikit skop kawalan kepada editor dan wartawan ianya nampak lebih praktikal dan rasional dalam mengawal penyebaran berita di media sosial.[67] Ini adalah kerana penggunaan media sosial boleh diinstitusikan di bilik berita misalnya. Sebagai contoh wartawan dan editor diberikan peraturan yang tidak bertulis berkaitan penggunaan media sosial dalam bilik berita dan ianya seolah-olah suatu *standard operation procedure* (SOP) yang perlu dipatuhi. Sudah sampai masanya satu garis panduan formal dirangka untuk mengawal penggunaan media sosial kerana ianya suatu kelebihan kepada kerajaan sekiranya mampu menguruskan wartawan sosial dengan baik.[68] Menurut Muhamad Adnan terdapat empat (4) kebaikan utama sekiranya internet dapat dikawal dalam konteks penyebaran maklumat di media sosial iaitu (1) ianya dapat membangunkan industri hiburan, (2) ianya dapat mengawal isu-isu tidak

sahih yang berbentuk fitnah (3) ianya dapat melahirkan generasi yang berakhlak mulia serta (4) ianya dapat memperkasa penguatkuasaan undang-undang negara.[69]

## Penggunaan Pihak Berkuasa Keselamatan sebagai Alat Mempertahankan Kuasa: Evolusi dari Era Mahathir ke PRU-14

Sejarah penggunaan pihak berkuasa keselamatan sebagai alat mempertahankan kuasa di Malaysia bermula sejak era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1980-an. Ketika itu, institusi keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi perisikan digunakan bukan sahaja untuk menjaga keselamatan negara, tetapi juga untuk mengawasi pembangkang dan aktivis politik yang kritikal terhadap kerajaan. Operasi seperti Ops Lalang pada tahun 1987 menunjukkan bagaimana pihak keselamatan digunakan untuk menangani ancaman politik melalui penahanan tanpa perbicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).[70]

Selepas era Mahathir, walaupun terdapat beberapa liberalisasi politik semasa pemerintahan Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Razak, penggunaan pihak keselamatan untuk mempertahankan kuasa kekal relevan. ISA digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), tetapi kebimbangan mengenai penyalahgunaan kuasa keselamatan terus wujud, terutama dalam mengawal maklumat dan mengekang suara pembangkang.[71] Menjelang PRU-14, pendekatan ini diteruskan dengan lebih sofistikated dalam konteks digital. PDRM dan SKMM memainkan peranan penting dalam mengawal penyebaran berita palsu, memantau akaun media sosial dan menyekat laman web yang dianggap mengancam keselamatan awam atau kepentingan politik pemerintah. Dalam skandal 1MDB, misalnya, tindakan tegas diambil terhadap pemberi maklumat dan media yang cuba mendedahkan maklumat berkaitan, atas alasan menjaga ketenteraman awam.[72]

Tindakan kerajaan untuk menggubal Akta Anti Berita Palsu 2018 juga memperlihatkan kesinambungan penggunaan institusi keselamatan untuk mengawal naratif politik. Melalui akta ini, penyebaran berita yang bertentangan dengan kepentingan kerajaan boleh dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara, sekali gus memberi justifikasi kepada tindakan keras oleh pihak berkuasa.[73] Dalam konteks sejarah, penggunaan pihak keselamatan sebagai alat mempertahankan kuasa tidak berubah secara fundamental tetapi yang berubah hanyalah bentuk ancaman iaitu dari risalah cetak kepada media sosial dan kaedah penguatkuasaan iaitu dari penahanan fizikal kepada kawalan siber. Pendekatan  dalam sistem separa demokratik seperti Malaysia, pihak keselamatan terus berfungsi sebagai instrumen penting dalam mempertahankan kestabilan politik pemerintah daripada cabaran maklumat dan persepsi rakyat.[74]

## Tindakan kerajaan yang berkesan dan perbandingan historikal

Walaupun berita palsu telah wujud sejak zaman penjajahan, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa tindakan yang menunjukkan keberkesanan tertentu, khususnya dalam konteks digital. Antara yang paling signifikan ialah penubuhan portal Sebenarnya.my yang melibatkan lebih 100 agensi strategik dan Pasukan Respon Pantas (PRP) yang berjaya menangkis lebih 400 berita palsu semasa krisis COVID-19. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Anti Berita Palsu 2018 digunakan sebagai instrumen kawal selia, walaupun keberkesanannya dibatasi oleh cabaran teknikal dan kritikan awam. Namun, laporan UKM[75] menunjukkan peningkatan dalam kesedaran pengguna media sosial terhadap kepentingan menyemak fakta. Dalam perbandingan sejarah, langkah-langkah ini lebih bersifat inklusif dan teknikal berbanding pendekatan keras era kolonial dan awal kemerdekaan yang menekankan kepada penapisan dan hukuman berat.

## Kesimpulan

Fenomena berita palsu semasa PRU-14 perlu dilihat sebagai kesinambungan daripada evolusi sejarah kawalan maklumat di Malaysia. Sejak zaman kolonial British, kawalan terhadap media telah menjadi strategi penting bagi pihak berkuasa untuk mengekalkan kestabilan politik. Tradisi ini diteruskan dalam era pemerintahan pasca-kemerdekaan, terutamanya di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang memantapkan kawalan ke atas media cetak. Walaupun berlaku perubahan dalam struktur undang-undang dan dasar sepanjang era Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Razak, prinsip kawalan maklumat tetap kekal sebagai teras strategi politik pemerintah.

Dengan kemunculan teknologi baharu, bentuk ancaman maklumat berubah daripada cetakan konvensional kepada penyebaran digital, terutamanya melalui media sosial. Ini memaksa kerajaan menyesuaikan pendekatan kawalan melalui instrumen baharu seperti Akta Anti Berita Palsu 2018, penggunaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta strategi peningkatan literasi digital dalam kalangan rakyat. Dalam sistem separa demokratik seperti Malaysia, usaha menangani berita palsu memperlihatkan ketegangan antara keperluan menjaga kestabilan politik dan keperluan memelihara kebebasan bersuara. Penggunaan institusi keselamatan dan undang-undang keras dalam menangani berita palsu menunjukkan bahawa meskipun medium penyebaran maklumat telah berubah, kecenderungan untuk mengawal naratif politik tetap berterusan.

Oleh itu, kajian ini menyimpulkan bahawa respons kerajaan terhadap berita palsu dalam PRU-14 bukanlah fenomena baharu, tetapi sebahagian daripada evolusi sejarah panjang kawalan maklumat di Malaysia. Dalam menghadapi cabaran teknologi masa depan, pendekatan yang lebih seimbang antara kawalan maklumat dan penghormatan terhadap kebebasan bersuara akan menjadi kunci kepada kestabilan politik jangka panjang negara.

## Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan kewangan untuk penerbitan artikel ini melalui geran TAP K006263 di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

## Nota Akhir

[1] J. Albright, "Welcome to the era of fake news," Media and Communication, 5, no. 2, 2017, hlm. 87-89.
[2] Mohd Safar Hasim, Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Utusan Publications, Kuala Lumpur, 2000.
[3] Ibid.
[4] Fareed Zakaria, "The Rise of Illiberal Democracy," *Foreign Affairs* 76, no. 6, 1997, hlm. 22–43.
[5] William Case, *Southeast Asia's Hybrid Regimes: When Weak Institutions Meet Strong Authoritarianisms*, Routledge, London, 2017.
[6] Robert M. Entman, "Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm," *Journal of Communication* 43, no. 4, 1993, hlm. 51–58.
[7] Tandoc, E. C., Lim, Z. W. dan Ling, R., "Defining 'Fake News': A Typology of Scholarly Definitions," *Digital Journalism*, 6, no. 2, 2018, pp. 137–153.
[8] McNair, B., Fake News: Falsehood, Fabrication and Fantasy in Journalism, Routledge, London, 2017.
[9] Ross Tapsell, "Malaysia's Media Transition: Legacies of Control and Market Pressures," *Journal of Contemporary Asia* 43, no. 4, 2013, pp. 613–635.
[10] Andrew T. Kenyon, "The Malaysian Printing Presses and Publications Act 1984: Restricting Freedom of Expression," *Media Asia* 30, no. 1, 2003, pp. 21–27.

[11] Aria Hajjafari, "The Political Control of Media in Malaysia (1970–1999)," PhD diss., Universiti Sains Malaysia, 2020.
[12] Mustafa K. Anuar, "Press Freedom and the Malaysian Press," Index on Censorship 27, no. 4 ,1998, hlm. 123–130.
[13] Ibid.
[14] Rick Shriver, "Malaysian Media: Ownership, Control and Political Influence," accessed April 2024, https://rickshriver.net/textfiles/Malaysian%20Media%20Paper%20-%20CARFAX2.pdf.
[15] Tandoc Jr, Edson C., and T. P. Vos, "The journalist is marketing the news: Social media in the gatekeeping process," *Journalism Practice* 10, no. 8, 2016, pp. 950–966.
[16] Sa'adiah Ma'alip, "Pemilihan bahasa dalam komunikasi di laman sosial," *Malaysian Journal of Communication* 31, no. 2, 2015, hlm. 231–246.
[17] Nic Newman et al., *Digital News Report 2018*, Reuters Institute for the Study of Journalism, University of Oxford, 2018, pp. 88.
[18] Pew Research Center, "Many Americans Say Made-Up News Is a Critical Problem That Needs To Be Fixed," June 5, 2019.
[19] N. Vasu, B. Ang, T. A. Teo, S. Jayakumar, M. Raizal, and J. Ahuja, "Fake news: National security in the post-truth era," *RSIS Policy Report*, 2018.
[20] Ibid
[21] Junaidi Awang Besar and Mazlan Ali, "Dari Barisan ke Pakatan: Berubahnya Dinamik Pilihan Raya Umum Kuala Lumpur 1955–2013," *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 10, no. 1, 2014, hlm. 83–98.
[22] Ibid.
[23] W. Case, "Stress Testing Leadership in Malaysia: The 1MDB Scandal and Najib Tun Razak," *The Pacific Review* 30, no. 3, 2017, pp. 633–654.
[24] Parliament of Malaysia, Akta Anti Berita Palsu 2018 (Act 803), Laws of Malaysia. Accessed via http://www.agc.gov.my.
[25] Merlyna Lim, "Beyond fake news: social media and market-driven political campaigns," The Conversation, September 5, 2017.
[26] S. Radzuan and A.F. Abdul Hamid, "Malaysian Democratic Dilemmas in the Era of Najib Razak," International Journal of Psychosocial Rehabilitation, 24, no. 3, 2020, pp. 1013–1025.
[27] Ibid.
[28] Zakaria Haji Ahmad, "Malaysia: Quasi-Democracy in a Divided Society," in Democracy in Developing Countries: Asia, eds. Diamond, Linz, and Lipset, Lynne Rienner, Boulder, CO, 1989.
[29] Sity Daud, "Negara dan Ideologi Pembangunan," in Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia, ed. Ghazali Mayudin, Penerbit UKM, Bangi, 2008, hlm. 23-34.
[30] Mohd Azizuddin Mohd Sani, Media Freedom in Malaysia, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 2005.
[31] Junaidi Awang Besar, Pola Pengundian Mengikut Kaum Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-14 (PRU-14), *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 15, no. 3, 2019, hlm. 40–53.
[32] Muhamad Nadzri Mohamed Noor dan Jamaie Hamil, *The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and Political Development in Malaysia, 1957–2018*, *Intellectual Discourse* 26, no. 1, 2018, hlm. 87–111.
[33] Ibid.
[34] Sity Daud, "The COVID-19 Pandemic Crisis in Malaysia and the Social Protection Program," *Journal of Developing Societies* 37, no. 4, 2021, pp. 480–501.
[35] Bernama, "Ordinan Darurat kurangkan trend sebar berita palsu - Saifuddin," Astro Awani, 22 Julai 2021, https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ordinan-darurat-kurangkan-trend-sebar-berita-palsu---saifuddin-309779 (Ogos 28, 2021).
[36] Syed Arabi Idid, Media dan Politik di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.
[37] Zaharom Nain, Media, Culture and Politics in Malaysia, Times Books International, Singapore, 2002.

[38] Chin, James. "The Development of the Malaysian State." In Government and Politics in Malaysia, edited by Harold Crouch, 27–52, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1996.
[39] Human Rights Watch, Creating a Culture of Fear: The Criminalization of Peaceful Expression in Malaysia. HRW, New York, 2015.
[40] Azizuddin Mohd Sani. Freedom of the Press in Malaysia, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2005.
[41] Moehamad Izat Emir, "Malaysian Insider dan Sarawak Report Disekat," Malaysiakini, 10 Mac 2016, http://www.malaysiakini.com/news/340976 (11 Oktober 2016).
[42] W. Case, "Politics in Malaysia Today: Demise of the Hybrid?," *Taiwan Journal of Democracy* 15, no. 2, 2019, pp. 1–29.
[43] S. P. Huntington, "Political Development and Political Decay," World Politics, 17, no. 3, 1965, pp. 386–430.
[44] Freedom House, Freedom in the World, various years, https://freedomhouse.org/report/freedom-press/freedom-press-2017 (accessed January 5, 2018).
[45] N. Mustaffa, *Penulisan Media*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2010.
[46] N. Chomsky, Media Control: The Spectacular Achievements of Propaganda, vol. 7, Seven Stories Press, New York, 2002.
[47] K.P. Newmeyer, "Elements of National Cyber Security Strategy for Developing Nations," *National CyberSecurity Institute Journal*, 1, no. 3, 2015, pp. 9–19.
[48] Adibah Ismail, "Media Freedom and Control in Malaysia: A Comparative Study," *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3, no. 13, 2020, pp. 24–38.
[49] A. Mustapha Kamal, "Journalism, National Development and Social Justice in Malaysia," *Asia Pacific Media Educator*, 16, 2005, pp. 63–70.
[50] Francis Loh, "Developmentalism and the Limits of Democratic Discourse," in Democracy in Malaysia: Discourses and Practices, eds. Francis Kok-Wah Loh and Boo Teik Khoo, Curzon, Richmond, 2002.
[51] K.A. Talib, N. Shiratuddin, S. Hassan, Z.S.A. Rahman, dan N.L.A. Rahman, "Belia dan sosialisasi: Tingkah laku relatif dan perspektif terhadap media baru," *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 34, no. 3, 2018.
[52] A.S. Hasan, "Pendemokrasian Media dan Cabaran Keselamatan dalam Era Digital," *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35, no. 1, 2019.
[53] Wan Amizah Wan Mahmud dan Mohd Adnan Pitchan, "Media baharu dan institusi raja di Malaysia: Kes penghinaan raja-raja di media sosial," *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 33, no. 1, 2017, hlm. 45.
[54] Wan Amizah Wan Mahmud, *Perkembangan dan pembangunan sistem dan dasar Penapisan filem di Malaysia* (PhD diss., Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, 2008).
[55] Mustaffa, Khairul A. and Mohd Safar Hasim. Etika dan Undang-undang Media di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2009.
[56] Zaharom Nain, "The Structure of the Media Industry: Implications for Democracy." In Democracy in Malaysia: Discourses and Practices, edited by Francis Loh and Khoo Boo Teik, Curzon, Richmond, 2002, pp. 111–137.
[57] Md. Azalanshah Md. Syed, et al. "Training Needs of Journalists in the Digital Age: A Malaysian Perspective." *Journal of Media and Information Warfare* 14, 2021, pp. 23–40.
[58] Wan Amizah Wan Mahmud dan Mohd Adnan Pitchan, "Media baharu dan institusi raja di Malaysia: Kes penghinaan raja-raja di media sosial," *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 33, no. 1, 2017, hlm. 45.
[59] R.B. Sabri, Analisis Berita Palsu Berkaitan PRU-14 (PRU14) di Malaysia Menerusi Paparan Informasi di Facebook (Master's thesis, Universiti Utara Malaysia).
[60] Fairuz Mohd Shahar, "Communications Ministry launches sebenarnya.my to quash fake news, information," New Straits Times, March 14, 2017, https://www.nst.com.my/news/2017/03/220604/communications-ministry-

launches-sebenarnyamy-quash-fakenews-information.

[61] Kenyataan Media Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia berkaitan Pasukan Respon Pantas (PRP), April 21, 2020, https://www.komunikasi.gov.my/images/AdHoc/200421-PASUKAN-RESPONS-PANTAS.pdf.

[62] H. Aziz, "Bersih dan 1MDB: 4 laman web disekat," Berita Harian Online, August 28, 2016, http://www.bharian.com.my/node/77983 (September 26, 2016).

[63] Bernama, "SKMM sekat 3,110 laman web sejak 2016," Free Malaysia Today, March 23, 2017, https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/03/23/skmm-sekat-3110-laman-web-sejak-2016/ (July 2, 2028).

[64] H. Ismail, "SKMM sekat 46 sesawang, tutup 4,618 akaun palsu," Selangorkini, April 19, 2018, https://selangorkini.my/2018/04/skmm-sekat-46-sesawang-tutup-4618-akaun-palsu/ (June 18, 2018).

[65] M.N. Parzi, M.A. Samsuddin dan S.N.N. Koris, "'Kilang' reka berita palsu," Berita Harian Online, April 17, 2018, https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/413315/kilang-reka-berita-palsu (May 15, 2018).

[66] A. Ismail, "Media Freedom And Control In Malaysia: A Comparative Study," *International Journal of Modern Trends in Social Sciences* 3, no. 13, 2020, pp. 24–38.

[67] Adibah, A. Mohd Khairie dan M. Che Su, "Interpretation of press freedom as a value guiding the practice of investigative journalism in Malaysia: The practitioners' perspectives," dalam Democratisation of Media: Issues and Realities, Unimas, Sarawak, 2017.

[68] E.C. Tandoc Jr dan T.P. Vos, "The journalist is marketing the news: Social media in the gatekeeping process," *Journalism Practice* 10, no. 8, 2016, pp. 950–966.

[69] M.H. Haji Adnan, "Peranan media massa memartabatkan integriti nasional," Jurnal Komunikasi Borneo 2, no. 1, 2015, hlm. 57–74.

[70] Crouch, Harold, *Government and Society in Malaysia,* Cornell University Press, Ithaca,1996.

[71] Weiss, Meredith L. *Politics in Malaysia: The Malay Dimension*. Routledge, London, 2006.

[72] Saravanamuttu, Johan. "The 1MDB Scandal and Its Political Fallout." In *The Routledge Handbook of Contemporary Malaysia*, edited by Meredith Weiss, 289–301. Routledge, London, 2015.

[73] Parliament of Malaysia. *Anti-Fake News Act 2018*, Act 803.

[74] Gomez, Edmund Terence, and Johan Saravanamuttu, *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice,* NUS Press, Singapore, 2013.

[75] Pusat Kajian Media dan Komunikasi UKM. Laporan Tahunan Literasi Media Digital Malaysia 2020, UKM Press, Bangi, 2021.

## Rujukan

Ahmad, Zakaria Haji. 1989. *Malaysia: Quasi-Democracy in a Divided Society. In Democracy in Developing Countries: Asia*, edited by Larry Diamond, Juan J. Linz, and Seymour Martin Lipset. Boulder, CO: Lynne Rienner.

Albright, J. 2017. "Welcome to the Era of Fake News," *Media and Communication* 5, no. 2: 87-89.

Allcott, H., & M. Gentzkow. 2017. "Social Media and Fake News in the 2016 Election," *Journal of Economic Perspectives* 31, no. 2: 211-236.

Atif Ahmad, Nurul Huda S., & S. Chang. 2010. *Understanding the Factors of Information Leakage through Online Social Networking to Safeguard Organizational Information.* ACIS 2010 Proceedings 62.

Beckett, C. 2017. "'Fake News': The Best Thing That's Happened to Journalism." *POLIS: Journalism and Society at the LSE*.

Brewer, P.R., D.G. Young, & M. Morreale. 2013. "The Impact of Real News about 'Fake News': Intertextual Processes and Political Satire," *International Journal of Public Opinion Research.* 25, no. 3: 323-343.

Case, W. 2017. "Stress Testing Leadership in Malaysia: The 1MDB Scandal and Najib Tun Razak," *The Pacific Review* 30, no. 3: 633-654.

Chomsky, Noam. 2002. *Media Control: The Spectacular Achievements of Propaganda.* Vol. 7. Seven Stories Press.

Freedom House. Various years. Freedom in the World. Accessed January 5, 2018. https://freedomhouse.org/report/freedom-press/freedom-press-2017

Horne, B.D., & S. Adali. 2017. *This Just In: Fake News Packs a Lot in Title, Uses Simpler, Repetitive Content in Text Body, More Similar to Satire than Real News,* Eleventh International AAAI Conference on Web and Social Media.

Huntington, S. P. 1965. "Political Development and Political Decay," *World Politics* 17, no. 3: 386-430.

Klein, D.O., & J.R. Wueller. 2018. "Fake News: A Legal Perspective," *Australasian Policing* 10, no. 2: 11-17.

Kucharski, A. 2016. "Post-truth: Study Epidemiology of Fake News." *Nature* 540. no. 7634: 525.

McNair, B. 2017. *Fake News: Falsehood, Fabrication, and Fantasy in Journalism*. Routledge.

McAuliffe, A. 2015. "Malaysia's Democracy Is in Worse Shape than We Thought: Malaysia's Pro-Democracy Rally Shows a Country Deeply Divided Along Ethnic Lines." AlJazeera.

Muhamad Takiyuddin Ismail. 2018. "Kejatuhan UMNO dalam Pilihan Raya ke-14: Analisis Pengajaran Politik," *Jebat, Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 45, no. 2: 319-342.

Muhammad Arif, & Sity Daud. 2018. "Manifesto Barisan Nasional Dan Kejatuhan Najibnomics Dalam PRU-14," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 45, no. 2: 343-366.

Normah Mustaffa. 2010. *Penulisan Media*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Normah Mustaffa, & Faridah Ibrahim. 2018. "Pembingkaian Visual Berita Krisis Lahad Datu," *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 34, no. 1: 170-184.

Rusdiana, I. 2018. "Kognisi Pembaca Berita Palsu (Fake News) di Media Online," *Kodifikasia: Jurnal Penelitian Islam* 12, no. 2: 185-196.

Schramm, W. 1949. "The Effects of Mass Communications: A Review," *Journalism Quarterly* 26, no. 4: 397–410.

Ma'alip, Sa'adiah. 2015. "Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi di Laman Sosial," *Malaysian Journal of Communication* 31, no. 2: 231–246.

Sity Daud. 2008. *Negara dan Ideologi Pembangunan," In Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia.* edited by Ghazali Mayudin, 23-34. Bangi: Penerbit UKM.

Sity Daud. 2021. "The COVID-19 Pandemic Crisis in Malaysia and the Social Protection Program," *Journal of Developing Societies* 37, no. 4: 480-501.